

## **Sabah Sarawak keluar Malaysia (SSKM): Hala tuju selepas PRU-14**

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah untuk memahami perkembangan fahaman gerakan pemisahan yang digerakkan oleh sebuah organisasi dikenali Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Sejak SSKM ditubuhkan tahun 2011, gerakan ini telah mendapat sambutan yang baik terutama dalam kalangan golongan muda yang inginkan hak yang lebih adil terutamanya dari segi ekonomi dan politik kepada dua negeri di Malaysia. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang telah mendorong penubuhan SSKM, strategi-strategi yang telah diguna pakai untuk menarik sokongan kepada kumpulan ini dan akhir sekali membincangkan masa depan SSKM selepas pilihan raya umum yang ke-14 (PRU-14). Melalui kaedah perpustakaan, data-data sekunder yang berkaitan dengan SSKM akan dianalisis untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan awal kajian ini menunjukkan bahawa SSKM ini telah di manipulasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk mendapatkan 'political mileage' di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kemenangan parti tempatan, iaitu Parti Warisan dalam PRU-14 di Sabah dan pembentukan Gabungan Sarawak telah menjadikan tuntutan-tuntutan SSKM ini tidak disokong oleh majoriti masyarakat di Sabah dan Sarawak.